

Buletin



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1445H/ Jun 2024

ACIS

HIKMAH DAN FALSAFAH SERTA PERBAHASAN HUKUM BERKENAAN IBADAH HAJI

Panduan Ringkas Hukum Hakam Ibadat Korban 6
Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam 7
Kematian yang dicemburui 9

eISSN 2600-8289



9 772600 828001



Oleh:

Abdul Mukti bin Baharudin

Pensyarah Jabatan Al-Quran dan As-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor.

Hajah Makiah Tussaripah binti Jamil

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

PENDAHULUAN

Saban tahun, pada 10 Zulhijjah umat Islam di seluruh dunia akan menyambut Hari Raya Eidil Adha. Sambutan ini diiringi dengan pensyariatan korban kepada umat Islam yang mampu melaksanakannya. Mereka dituntut untuk melaksanakannya bermula daripada 10 Zulhijjah sehinggalah 13 Zulhijjah. Amalan korban ini menjadi suatu ibadah yang amat dituntut untuk dilaksanakan. Oleh kerana berkorban adalah ibadah, maka sudah pasti ada garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak untuk melaksanakannya, dan ia perlu dipatuhi dan dilaksanakan dengan sebaiknya agar ibadah tersebut diterima oleh Allah SWT. Berikut adalah panduan ringkas berkaitan hukum-hakam ibadat korban.

HIKMAH PENSYARIATAN KORBAN

1. Menghayati semangat pengorbanan agung yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s, iaitu ketika Allah s.w.t. menguji baginda supaya menyembelih anaknya.
2. Menolong orang fakir dan orang yang berhajat serta mengembirakan mereka pada Hari Raya Eid al-Adha.
3. Mengeratkan hubungan persaudaraan antara anggota masyarakat Islam dan menanamkan semangat hidup berjemaah serta berkasih sayang.
4. Tanda bersyukur kepada Allah s.w.t. atas segala nikmatNya.

HUKUM KORBAN

1. Hukum korban adalah **SUNAT MUAKKAD** sama ada bagi orang-orang yang sedang mengerjakan haji atau tidak.
2. Namun kadang kala hukum korban menjadi **WAJIB** dengan sebab dinazarkan:
Contohnya: *"Bagi Allah atas aku melakukan korban dengan binatang ini. "Aku jadikan haiwan ini sebagai korban"*. Maka wajiblah dia melakukannya dan **HARAM** baginya untuk makan daripada daging korban yang dinazarkan.
3. **SUNAT KIFAYAH** jika dalam rumah ada beberapa orang. Kalau penghuninya seorang sahaja, maka jadi **SUNAT AIN**.
4. **MAKRUH** meniggalkan ibadat korban.

INDIVIDU YANG DITUNTUT MELAKUKAN KORBAN

1. Orang yang dituntut melakukan ibadah korban ialah:
 - a. Islam
 - b. Baligh dan berakal
 - c. Berkemampuan – orang yang mempunyai harta atau wang yang melebihi perbelanjaan untuk dirinya dan mereka di bawah tanggungannya, samada makanan, pakaian dan tempat tinggal pada sepanjang Hari Raya Eid al-Adha dan Hari Tasyriq.
 - d. Merdeka
2. **TIDAK SAH** dilakukan korban bagi seseorang yang masih hidup tanpa keizinannya.
3. **HARUS** bagi wali sahaja, iaitu bapa atau datuk melakukan korban dengan hartanya untuk orang-orang di bawah jagaannya, walaupun tanpa izin orang tersebut.
4. **TIDAK SAH** dilakukan korban untuk orang yang telah mati, jika dia tidak berwasiat dengannya. Jika dia berwasiat supaya melakukannya, sahlah dibuat korban untuknya. Orang yang melaksanakan korban bagi si mati dengan wasiatnya, **WAJIB**lah atasnya bersedekah kesemuanya. Tidak ada bahagian untuk dirinya atau orang-orang di bawah tanggungannya, kerana dia adalah orang yang menerima dan menyerah.
5. **TIDAK BOLEH** berkorban untuk organisasi yang bukan manusia. Oleh itu jika sesebuah organisasi atau syarikat ingin melaksanakan korban, ia mesti menghadihkan kepada mana-mana pengarah atau kakitangannya. Ketika itu barulah sah korban dan ia menjadi korban oleh individu yang ditentukan namanya sahaja dan bukan atas nama syarikat. Pahala korban akan hanya diperolehi oleh individu tersebut, dan pihak organisasi pula (iaitu pemilik organisasi, iaitu manusia) hanya mendapat pahala kerana menghadihkan lembu atau bahagiannya kepada kakitangan. Jika pihak syarikat tidak mahu berbuat demikian maka syarikat mestilah meletakkan secara khusus 20 ekor itu (sebagai contoh) untuk lembaga pengarahnya secara khusus juga. Ia bukan atas nama syarikat tetapi individu.

SYARAT SAH KORBAN

Syarat-syarat **SAH** korban ialah:

1. Niat (untuk taqarrub kepada Allah s.w.t.) semasa sembelih atau semasa membeli binatang.
2. Memilih ternakan (ditetapkan syara') yang boleh dikongsi atau secara individu.

BINATANG KORBAN

Di sisi mazhab as-Syafie ibadah korban hanya SAH dengan binatang-binatang berikut:

1. Unta
2. Lembu
3. Kerbau
4. Kambing
5. Biri-biri (kibas)

Binatang yang afdhal dijadikan korban ialah unta (kerana dagingnya), kemudian lembu dan kambing. Tujuh ekor biri-biri (kibas) adalah terlebih afdhal daripada seekor unta, kerana bertambah dekat kepada Allah s.w.t., dengan banyaknya darah yang mengalir. Harus berkorban dengan seekor unta jantan atau betina atau lembu untuk tujuh orang. Unta, kerbau atau lembu boleh dikongsikan untuk tujuh orang walaupun mereka mempunyai niat dan tujuan yang berbeza-beza seperti setengahnya untuk korban, setengahnya untuk aqiqah, setengahnya untuk dimakan dan setengahnya untuk dijual. Perbezaan niat-niat ini tidaklah memberi mudharat kepada korban. Harus berkongsi tujuh bahagian ini dengan salah seorang daripada mereka adalah orang kafir. Seekor kambing atau kibas untuk korban bagi seseorang itu lebih afdhal daripada berkongsi tujuh orang bagi seekor unta atau lembu.

WAKTU PELAKSANAAN KORBAN

1. Waktu korban bermula selepas terbit matahari pada Hari Raya Korban, iaitu sekadar tempoh masa dua rakaat solat sunat hari raya dan dua khutbah yang ringkas. Waktu tersebut berterusan sehingga matahari terbenam pada hari *Tasyrik* yang ketiga iaitu 13 Zulhijjah.
2. Waktu yang afdhal menyembelih binatang korban ialah pada 10 Zulhijjah. Dan dilewatkan berkorban sehingga naik matahari segalah.
3. Jika dikorbankan binatang sebelum masuk waktunya atau setelah habis waktunya, tidaklah memadai korban tersebut melainkan dinazarkan. Dan kelewatan penyembelihan korban nazar itu sehingga keluar dari waktunya, wajib juga disembelih (walau pun di luar waktu) dan jadilah ia korban qada'.

PEMBAHAGIAN DAGING KORBAN

1. Hendaklah dibahagikan sembelihan ini kepada **TUJUH BAHAGIAN** (bagi unta, kerbau dan lembu) dengan sama banyak.
2. **WAJIB** diasingkan antara daging korban wajib dan daging korban sunat.
3. Jika korban yang wajib, sama ada kerana korban nazar atau korban binatang yang telah diisyaratkan (seperti yang telah dijelaskan), ia tidak boleh dimakan oleh orang yang berkorban dan mereka yang di bawah tanggungannya. Mereka yang memakannya hendaklah menggantikannya.

4. Manakala korban sunat, disunatkan bagi orang yang berkorban makan daging korbannya dengan syarat disedekahkan sebahagiannya.
5. **WAJIB** disedekahkan daging korban yang mentah dan basah (tidak memadai menjadikan makanan dan menjemput fakir miskin) kepada fakir miskin mengikut pendapat yang paling sahih (pendapat yang berlawanan dengannya, tidak wajib disedekahkan dan mendapat pahala semata-mata menumpahkan darah (sembelih) dan niat mendampingkan diri dengan Allah s.w.t. sahaja). Memadai disedekahkan hanya kepada seorang miskin, walaupun yang disedekahkan itu sedikit, dan dimakan semua bakinya. Jika tidak disedekahkan seperti yang tersebut, wajiblah dibeli daging dengan harganya dan disedekahkannya.
6. **HARAM** dan **TIDAK SAH** orang yang membuat korban menjual sesuatu daripada korbannya.

KESIMPULAN

Setiap ibadat dalam Islam tidak boleh dilakukan secara semberono. Ini kerana, sekiranya ibadat yang dilakukan tidak bertepatan dengan kehendak syarak, maka ibadat tersebut akan menjadi sia-sia dan tidak diterima di sisi Allah. Adalah menjadi kewajipan bagi semua umat Islam yang ingin melaksanakan ibadat korban agar sentiasa memastikan segala syarat dan kewajipan yang ditetapkan oleh syarak telah dipatuhi agar ibadat korban yang dilakukan mencapai tahap kesempurnaan. Sesungguhnya ibadat yang sempurna secara tidak langsung akan menambah keimanan dan ketaqwaan kepada Allah, pemilik semesta alam.

